

Tarikh Dibaca: 09 Oktober 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“AJARAN SESAT MILLAH ABRAHAM @
IBRAHIM”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“AJARAN SESAT MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا
مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٧٧﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan, marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhannya serta



meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita akan terus diberi kekuatan serta kemudahan untuk menjadi hamba Allah yang taat, mencapai kejayaan dan kemenangan hidup di dunia serta mendapat keredhaan Allah di akhirat.

Mimbar hari ini akan menjelaskan salah satu keputusan fatwa berkaitan **"AJARAN SESAT MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ajaran Millah Abraham adalah salah satu daripada ajaran sesat yang menyelip masuk di Negara ini, khususnya di Negeri Selangor. Ajaran ini berasal dari Bogor, Indonesia. Mereka mendakwa ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah berakhir sejak kejatuhan kerajaan Islam pada tahun 1324H. Mereka juga mendakwa ajaran Islam seperti yang diamalkan sekarang oleh umat Islam adalah palsu. Mereka mendakwa bahawa ulama-ulama dan umat Islam yang berpegang dan beramal dengan ajaran Islam hari ini adalah digolongkan sebagai kaum musyrikin. Pengasasnya bernama Ahmad Musaddeq yang mengaku sebagai rasul baru yang dibangkitkan membaharui ajaran dan membentuk kerajaan Islam yang sebenar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kumpulan Millah Abraham juga bergerak licik dengan menggunakan pelbagai nama bagi tujuan meneruskan dakyahnya dikalangan umat Islam. dengan itu pergerakannya dapat terselindung disamping dapat melepaskan kumpulan daripada tindakan perundangan. Sebelum ini ada nama-nama kumpulan yang mempunyai persamaan seperti Negara Islam Indonesia (NII), kumpulan Pemuda al-Kahfi, telah difatwakan menyeleweng. Modus operandi



dan pengajarannya menggunakan al-Quran terjemahan kemudian menafsirkan dengan menggunakan logik akal mereka semata-mata.

Ajaran Millah Abraham disampaikan secara bersemuka dalam kumpulan kecil. Golongan muda yang mempunyai kecenderungan terhadap Islam tetapi kurang asas agamanya menjadi sasaran utamanya. Mereka yang mengikuti pengajian peringkat awal (pengenalan) akan sentiasa ditemani oleh pendamping (ahli lama) semasa pergi dan balik ke tempat pengajian. Melalui pertemuan-pertemuan berkala di tempat-tempat tertentu, dengan penuh gigih penyampai akan menggunakan nama singkatan serta berpenampilan kemas. Mereka akan sentiasa berhubung dan memberi peringatan untuk terus mengikuti perjanjian. Akhirnya mereka yang telah bersedia akan membuat bai'ah (sumpah setia) menjadi ahli kumpulan, seterusnya diberi peranan sebagai pendamping dan akhirnya sebagai penyampai (wakil Rasul) kepada yang lain-lain.

Ajaran Millah Abraham ini disampaikan secara bertahap-tahap. Bermula dengan cara sembunyi-sembunyi, dan sekarang telah masuk ke tahap terang-terangan. Seterusnya akan melalui peristiwa hijrah dan hari pembukaan ataupun (Yaumul Fath) yang belum diketahui masanya dan tempatnya. Berdasarkan kepada pengakuan pengikutnya semasa sesi pendengaran, kini sudah masuk fasa terang-terangan dan mereka sanggup menghadapi risiko dan melakukan apa sahaja termasuk kekerasan demi mencapai cita-citanya menegakkan Millah Abraham.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Antara penyelewengan yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:



1. Mendakwa ada rasul selepas Nabi Muhammad SAW yang membawa ajaran baru, kerana ajaran yang dibawa oleh baginda telah tamat bahkan ajaran Islam yang diamalkan sekarang ini adalah palsu. Ini bererti akan muncul umat dan rasul baru atas nama kerajaan Millah Abraham.

2. Mereka menghukum golongan yang tidak mengikut ajaran Millah Abraham sebagai golongan yang syirik dan kafir, termasuk ibu bapa mereka, bahkan ulama-ulama muktabar yang terdahulu. Justeru mereka dikehendaki bertaubat dengan berpegang kepada deen Millah Abraham berdasarkan fahaman mereka. Bagi sesiapa yang menuduh ajaran Millah Abraham sebagai sesat pula, sebenarnya mereka telah memperbodohkan diri mereka sendiri.

3. Kumpulan ini terlalu taksub hingga sanggup memutuskan hubungan kekeluargaan dan pasangan suami isteri. Kerana taksub, seorang anak sanggup membuang ibu bapanya hanya atas alasan tidak mahu mengikut ajaran Millah Abraham. Begitu juga bagi pasangan suami isteri. Seorang isteri yang mengikut ajaran Millah Abraham wajib menuntut cerai jika suami enggan menyertainya.

4. Menggabungkan tiga ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Mereka menggunakan kitab Taurat dan Injil disamping al-Quran (terjemahan) sebagai panduan bagi menegakkan agama yang dapat menerangi kehidupan.

5. Meninggalkan solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat kerana mereka menafikan kefardhuan solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat.



6. Kumpulan Millah Abraham akan mewajibkan anggotanya membuat bai'ah atau sumpah setia. Disamping itu mereka memberi amaran kepada pengikutnya jika melanggar bai'ah tersebut.

Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan seperti berikut;

"Bahawa fahaman dan ajaran Millah Abraham adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi elemen-elemen yang menyesatkan. Justeru mana-mana orang Islam secara individu atau kumpulan adalah dilarang terlibat dengan apa sahaja aktiviti yang ada kaitan dengan ajaran ini atau mana-mana ajaran yang mempunyai persamaan dengannya".

Fatwa ini telah diwartakan pada 17 September 2015. Dengan ini setiap yang terlibat dengan ajaran kumpulan Millah Abraham boleh diambil tindakan undang-undang keatas mereka.

Sidang Jumaat sekalian,

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah;

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Nabi Muhammad SAW adalah rasul yang terakhir, maka tidak akan ada lagi rasul selepasnya.
2. Umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada ajaran Millah Abraham dan ajaran-ajaran sesat lain yang telah difatwakan kerana ianya adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.



3. Umat Islam perlu mempunyai ilmu yang mantap bagi mengelak terpengaruh dengan ajaran yang menyeleweng. Ini kerana seseorang yang telah terlibat dan berbai'ah, amat sukar untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

4. Umat Islam yang terlibat hendaklah segera bertaubat dan meninggalkan ajaran tersebut untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَفَمَنْ زُيِّنَ لَهُ سُوءُ عَمَلِهِ فَرَآهُ حَسَنًا فَإِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ
مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ فَلَا تَذْهَبُ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ
حَسْرَاتٍ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

"(Fikirkanlah) adakah orang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh syaitan) lalu dia meyakinkannya sebagai pekerjaan baik (sama dengan orang yang mendapat petunjuk. Tentu tidak sama). Maka, sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia juga memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, janganlah engkau membinasakan dirimu (wahai Muhammad) kerana bersedih terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka kerjakan".

(Surah Fatir : 8).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِاِقْرَانِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.